

# Keberkesanan penguatkuasaan kutipan cukai akan dipertingkatkan

UM 11 DEC 2002

SHAH ALAM 10 Dis. — Kerajaan akan mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan kutipan cukai dalam usaha mendapatkan kembali cukai tertunggak berjumlah hampir RM1 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana masalah tersebut bukan disebabkan oleh sistem percukaian di negara ini tetapi sikap membayar cukai.

“Perkara yang paling penting ialah penguatkuasaan bukannya menukar sistem. Keberkesanan penguatkuasaan adalah lebih baik,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Fellowship Buddha Sedunia di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan mengulas kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Zainol Abidin Rashid mengenai 13,285 orang yang dikenal pasti gagal menjelaskan cukai mereka kepada kerajaan.

Zainol Abidin berkata, jumlah keseluruhan cukai yang tertunggak ialah RM-965 juta dan terdapat seseorang yang tunggakannya sehingga RM20 juta.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, mereka yang gagal membayar cukai itu ialah kalangan yang cuai dan boros berbelanja.

“Mereka membelanjakan semua duit mereka. Jadi kita kena cari mereka. Kalau mereka tidak bayar sudah tentu kita kena ambil tindakan,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata, antara tindakan yang diambil ialah membatalkan pasport mereka yang terlibat bagi menghalang mereka daripada meninggalkan negara ini.

Ditanya sama ada langkah membatalkan pasport itu dapat menyelesaikan masalah cukai tertunggak itu, beliau berkata, ia memang tidak menjamin kejayaan sepenuhnya.

“Seperti yang anda tahu bila kita luluskan hukuman mati terhadap penyeludup-

an dadah, orang masih juga menyeludup dadah. Itulah manusia.

“Tetapi saya rasa lebih baik mereka bayar. Mereka boleh tidur dengan lebih nyenyak selepas itu,” katanya.

Mengenai kenyataan pemimpin pembangkang Australia bahawa Perdana Menteri negara itu, John Howard berfikiran lama dengan menganggap orang kulit putih sebagai lebih baik daripada bangsa lain, Dr. Mahathir berkata, beliau bersetuju dengan pendapat itu.

“Saya rasa Howard mempunyai fikiran lama yang menganggap orang kulit putih lebih baik daripada orang Asia...kita adalah orang berkulit warna, jadi kita ini bodoh,” katanya.

Mengenai cadangan membatalkan memorandum persefahaman menentang keganasan yang ditandatangani dengan Canberra, Perdana Menteri berkata, belum ada keputusan dibuat.